

K. Pelajar Sekolah Tertarik Program KUKUM



Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) sekali lagi telah menerima kunjungan pelawat yang terdiri daripada 80 orang pelajar dengan dua orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Seri Nibong, Pulau Pinang pada 9 Jun 2005 lalu.

Semasa di sini, rombongan para pelajar itu telah diberikan taklimat berkenaan sejarah penubuhan KUKUM, program akademik yang ditawarkan, kemudahan serta prasarana yang terdapat di universiti ini oleh Encik Muhammad Najib Othman, Pegawai Perhubungan Korporat KUKUM di Dewan Keikhlasan, Tingkat 10, Bangunan KWSP, Kangar.

Sejurus selepas taklimat, para pelajar ini kemudiannya dipertontonkan dengan video korporat KUKUM dan diikuti dengan sesi dialog. Atucara program kemudiannya diteruskan dengan sesi lawatan ke Makmal Komputer dan Makmal Mikroelektronik di tingkat sembilan sebelum diakhiri dengan kunjungan ke Perpustakaan KUKUM di tingkat dua.